

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN  
BIN ABD. KADIR [SETIU]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan projek perumahan mesra rakyat kepada generasi kedua peneroka FELDA di bawah usahasama SPNB dan FELDA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum memuktamadkan sebarang kerjasama antara pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan pihak FELDA untuk melaksanakan pembinaan Rumah Mesra Rakyat kepada generasi kedua peneroka FELDA.
  
2. Namun demikian, berdasarkan perbincangan awal antara pihak SPNB dan FELDA pada 10 November 2020, pihak FELDA memaklumkan yang pihaknya sedang meneliti semula cadangan usahasama ini dan akan mengadakan satu mesyuarat khas bagi membincangkan mekanisme pelaksanaan projek ini dengan lebih terperinci. Kini, pihak SPNB sedang menunggu maklum balas daripada pihak FELDA dan sentiasa bersedia untuk merangka cadangan usahasama ini bersama pihak FELDA pada bila-bila masa. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian bagi memastikan kanak-kanak gelandangan tidak tercicir dalam aspek pendidikan.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan setiap kanak-kanak mendapat pendidikan yang setara dan tidak terkecuali kanak-kanak gelandangan. Selain daripada pelbagai usaha untuk mengurangkan risiko keciciran dikalangan murid daripada pelbagai latar belakang, KPM telah menubuhkan sebuah Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) sejak tahun 2013 dengan pengambilan pertama seramai 43 orang murid.

Sehingga tahun 2020, murid di SBJK telah meningkat kepada 151 orang. Peningkatan bilangan murid ini adalah hasil daripada *outreach* yang dijalankan oleh pihak pengurusan sekolah selain daripada timbul kesedaran dalam kalangan ibu bapa untuk menghantar anak mereka mendapatkan pendidikan di SBJK. Konsep SBJK ini merangkumi :

- i. menyediakan perkhidmatan pendidikan formal dengan modifikasi kurikulum dan pengoperasian sekolah yang bersesuaian dengan

- keadaan setempat, situasi serta kebijakan kanak-kanak gelandangan dan terpinggir;
- ii. Masa pembelajaran murid yang fleksibel, terancang dan mengikut keperluan serta minat murid;
  - iii. Pendidikan yang disediakan bermula dari umur 5 hingga 17 tahun merangkumi Pendidikan Prasekolah, Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah dan Pendidikan Asas Vokasional;
  - iv. Kandungan kurikulum yang disesuaikan dengan minat, tahap kebolehan, sosiobudaya dan bersifat latar belakang setempat; dan
  - v. Keadah pengajaran adalah secara berpasukan dan berpusatkan murid.

Sekian.